

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menangani **isu-isu seperti semak**, penagih dadah dan kerosakan keindahan alam sekitar yang timbul daripada bangunan-bangunan khususnya rumah kediaman terbiar.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai kuasa dan bertanggungjawab untuk menangani bangunan yang tidak digunakan dan tidak didiami orang sehingga menyebabkan kawasan sekitar dipenuhi semak samun. Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] telah memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Seksyen 74 Akta 171 : PBT boleh mengenakan denda jika disabitkan ke atas sesuatu kediaman yang berada dalam keadaan kotor sehingga RM1000 dan atau penjara sehingga 6 bulan dan tambahan RM100 setiap hari selama kesalahan dibuat;

NO SOALAN : 124

- b) Seksyen 75 Akta 171 : PBT boleh mengeluarkan notis bagi mengarahkan kediaman tersebut dibersihkan dan dipelihara. Kegagalan mematuhi arahan tersebut boleh dikenakan denda sehingga RM1000 dan atau penjara sehingga 6 bulan dan tambahan RM100 setiap hari selama kesalahan dibuat;
- c) Seksyen 77 Akta 171 : PBT boleh mengarahkan bagi meruntuhkan keseluruhan atau sebahagian dari bangunan kediaman yang dikenal pasti sudah tidak layak sebagai tempat kediaman. Kegagalan mematuhi arahan tersebut boleh dikenakan denda sehingga RM1000 dan atau penjara sehingga 6 bulan dan tambahan RM100 setiap hari selama kesalahan dibuat ; dan
- d) Seksyen 80 Akta 171 : PBT boleh melaksanakan langkah bagi menghentikan kacau ganggu yang disebabkan oleh premis awam dan persendirian termasuk ke atas bangunan-bangunan yang tidak didiami.

2. Manakala tindakan penguatkuasaan di bawah Akta 133 adalah seperti berikut;

- a) Seksyen 83 : PBT boleh menyampaikan notis bagi membaik pulih atau meruntuhkan ke atas bangunan-bangunan yang berada dalam keadaan hampir runtuh dan merbahaya. Kegagalan mematuhi notis tersebut boleh dikenakan denda sehingga RM250. PBT boleh melaksanakan kerja baik pulih dan meruntuhkan bangunan di atas kegagalan pemunya melaksanakannya dan semua kos yang dibelanjakan akan dituntut semula daripada pemunya bangunan;
- b) Seksyen 84 : PBT boleh mengeluarkan notis bagi menutup dan menjamin keselamatan bangunan-bangunan yang ditinggalkan daripada menjadi punca kepada kacau ganggu.

Kegagalan mematuhi notis tersebut boleh dikenakan denda sehingga RM250;

- c) Seksyen 87 : PBT boleh mengeluarkan notis mengkehendaki kacau ganggu dihentikan yang disebabkan bangunan kosong atau tidak didiami. Kegagalan mematuhi notis tersebut boleh dikenakan denda sehingga RM500; dan
- d) Seksyen 89 : PBT boleh mendapatkan perintah mahkamah untuk meruntuhkan rumah yang tidak layak untuk kediaman.

3. KPKT juga sedang melaksanakan kajian untuk meminda undang-undang berkaitan penguatkuasaan dengan cadangan untuk menaikkan kadar denda bagi kesalahan-kesalahan termasuklah isu-isu rumah kediaman terbiar.

Sekian, terima kasih.